

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG]

TARIKH : 11.6.2014

SOALAN :

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah bentuk bantuan yang diberikan oleh Kementerian dalam membantu pelajar-pelajar cemerlang yang tinggal di kawasan pedalaman dan luar bandar baik daripada aspek bantuan material atau sokongan moral; dan
- (b) berapa ramaikah pelajar-pelajar cemerlang luar bandar dihantar untuk melanjutkan pelajaran peringkat ijazah di luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di peringkat sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) untuk pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 yang cemerlang dalam akademik dan juga kokurikulum yang mana pendapatan ibu bapa tidak melebihi RM1500 sebulan. Pelajar yang menerima Biasiswa ini akan menerima wang tunai sebanyak RM70 sebulan. Biasiswa ini akan diteruskan sehingga pelajar menamatkan pengajian di Tingkatan 5 selagi pelajar menunjukkan prestasi akademik yang baik di sekolah. Selain itu, Kerajaan juga telah menyediakan Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPU) untuk pelajar Tingkatan 6 yang cemerlang dalam akademik dan juga kokurikulum yang mana pendapatan ibu bapa tidak melebihi RM1500 sebulan. Pelajar Aliran Sastera akan menerima sebanyak RM90 sebulan,

manakala Pelajar Aliran Sains sebanyak RM110 sebulan sehingga menamatkan pengajian.

Di peringkat pengajian tinggi pula, KPM telah menyediakan 19 bentuk penajaan biasiswa/bantuan kewangan/pinjaman pelajaran kepada semua rakyat Malaysia yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat sijil sehingga pasca kedoktoran **tanpa mengira kuota kaum atau negeri**. Pemberian biasiswa dan bantuan kewangan ini mengambil kira faktor kelayakan serta keadilan bagi semua kumpulan sasaran yang berkelayakan bagi memastikan pembangunan modal insan yang seimbang.

Bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan, Kerajaan mengamalkan sistem merit yang mengambil kira pencapaian akademik, ko-kurikulum dan taraf sosio-ekonomi pemohon. Pemohon yang telah disenarai pendek akan menjalani tapisan temuduga bagi memastikan kualiti yang dipersembahkan kepada panel pemilih dari segi sahsiah, penampilan dan keupayaan sebenar mereka dan menunjukkan mereka adalah calon yang benar-benar cemerlang dalam semua aspek. Manakala, di peringkat pasca siswazah di kalangan tenaga pengajar di IPTA, pemilihan berdasarkan merit dan tertakluk kepada keperluan universiti dan kekosongan jawatan khususnya dalam bidang-bidang pengajian tertentu.

- (b) Biasiswa *MyBrainSc* telah ditawarkan pada tahun 2012 dan terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia yang sedang atau akan mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan pasca siswazah secara sepenuh masa, khusus dalam bidang sains tulen iaitu Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik di IPTA dan universiti terkemuka dunia atau bertaraf *Ivy League*. Semenjak diperkenalkan pada tahun 2012 sehingga Mei 2014, seramai **245 pelajar** telah dihantar melanjutkan pengajian di luar negara melalui pembiayaan biasiswa ini.